

Pelajar susah UMS cemerlang akademik, pasukan beruniform

DE 27.11.2014

KOTA KINABALU: Latar belakang keluarganya yang agak susah tidak menghalang Christopher Pok Yong Hao, 23, pelajar cemerlang Universiti Malaysia Sabah (UMS) tahun ini.

Pelajar Ijazah Sarjana Muda Sains Sukan (Kepujian), Fakulti Psikologi dan Pendidikan itu meraih anugerah kelas pertama pada Majlis Konvokesyen universiti itu yang ke-16, baru-baru ini.

Menyingkap mengenai kesusahan keluarganya, Christopher berkata, sejak ayahnya menghidap penyakit strok pada 2010, ibu beliau yang menyara kehidupan keluarga mereka dengan

bekerja sebagai promoter.

Menyedari akan tanggungjawab sebagai anak sulung, beliau terus belajar bersungguh-sungguh selain menggunakan masa cuti semester untuk mencari pekerjaan bagi membantu menampung kepayahan ibunya yang hanya menerima gaji di bawah RM1,000.

“Saya sejak berumur 13 tahun lagi sudah mulai mencari pekerjaan setiap tibanya cuti sekolah. Di UMS juga, saya menggunakan setiap cuti semester dengan berkerja di mana-mana syarikat yang mempunyai kekosongan bagi

meringankan bebanan ibu,” katanya yang mempunyai dua adik beradik.

Beliau yang mesra dipanggil Chris juga merupakan ahli Pasukan Latihan Pegawai Simpanan (Palapes) Laut, sebuah pasukan beruniform yang dilatih oleh Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM).

“Pengalaman menganggotai pasukan Palapes Laut sangat berharga. Di sini kami diajar bagaimana untuk menggunakan masa secara berkualiti selain didedahkan dengan aktiviti-aktiviti yang membentuk disiplin dan nilai jati diri yang tinggi.

“Sebagai ahli Palapes, kami turut diberi elaun yang saya gunakan membiayai makan minum dan keperluan sepanjang pengajian di UMS,” tambahnya.

Ketekunan pemuda berasal dari Melaka ini nyata cukup membanggakan kerana pencapaiannya yang bukan sahaja cemerlang dalam bidang akademik malah turut mendapat pengiktirafan Majlis Istiadat Pentauliah Diraja Pegawai Kadet Palapes ke-33, baru-baru ini.

Berlangsung di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Perak,

Chris diumumkan sebagai Penerima Anugerah Akademik Terbaik Palapes UMS.

“Saya sangat berterima kasih kepada pensyarah dan rakan-rakan di UMS yang sentiasa memberi sokongan dan tunjuk ajar kepada saya. Terlebih kepada ahli keluarga khususnya ibu saya yang sentiasa bertungkus-lumus untuk menyara kami sekeluarga. Kejayaan ini adalah hadiah untuk ibu dalam keluarga saya sayangi,” ujarnya.



Christopher